

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JANUARI 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 38

Pelan Peralihan Tenaga TNB selari aspirasi kerajaan

Pelan Peralihan Tenaga TNB selari aspirasi kerajaan

PETALING JAYA — Langkah Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerajui pelaksanaan peralihan tenaga dengan aspirasi pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 telah menepati agenda negara untuk menangani perubahan iklim.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, Pelan Peralihan Tenaga TNB itu juga selari dengan hasrat kerajaan untuk terus membekalkan elektrik kepada rakyat ke arah kehidupan yang lebih sejahtera dan lestari dengan komitmen memenuhi kriteria Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Menurut beliau, ini adalah langkah awal yang baik untuk menangani isu perubahan iklim dan mencapai ekonomi kitaran pelepasan sifar bersih.

"Kerajaan akan memberi sokongan sewajarnya untuk membentuk polisi bagi menggalakkan perkembangan ekosistem peralihan tenaga negara," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap kepada warga kerja TNB sempena lawatan kerja pertamanya ke Ibu Pejabat TNB di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Nik Nazmi diberi taklimat daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din mengenai peranan penting TNB dalam memastikan bekalan elektrik yang selamat, berdaya harap dan berkualiti kepada lebih 9.66 juta pelanggan di Semenanjung Malaysia.

Tambah beliau, kementerian komited untuk meningkatkan penjanaan elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) melalui Pelan Pembangunan Penjanaan Pembekalan Elektrik 2021-2039.

"Mengambil kira kepentingan mengimbangi permintaan tenaga dan mengurangkan pelepasan karbon, NRRECC juga akan terus memacu inisiatif kecekapan dan penjimatkan tenaga melalui Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara," katanya.



NIK NAZMI (depan, dua dari kanan) diberi taklimat bersempena lawatan beliau ke ibu pejabat TNB di Bangsar baru-baru ini.